

# Wacana Warisan BOHRU fokus kepada budaya Borneo

NST 21.12.2017

KOTA KINABALU: Program Wacana Warisan Unit Penyelidikan Borneo (BOHRU) Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2017 telah diadakan sebanyak empat siri yang memfokuskan kepada warisan budaya Borneo.

Pengerusi, Prof. Madya Dr. Low Kok On

berkata sesi wacana itu adalah usaha berterusan pihak BOHRU dalam memberi kesedaran tentang warisan budaya Borneo kepada para pelajar dan masyarakat.

"Program ini diadakan untuk memperkenalkan warisan pelbagai budaya khasnya yang ada di



SESI perkongsian oleh Jacqueline berlangsung dengan topik menarik iaitu muzik qong etnik tradisional Sabah.



DR. Low (duduk, kanan) bergambar bersama peserta wacana.

Sabah.

"Kita juga ingin mempromosikan dan memperkenalkan kepada para peserta tentang kepentingan menghayati warisan turun-temurun," katanya ketika ditemui, kelmarin.

Sebanyak empat pembentangan telah berlangsung melibatkan panel seperti Pensyarah Seni Visual UMS, Dr. Humin Jusilin; Penyelidik, Salbiah Kindoyop, Pensyarah Sejarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Supyan Husin dan Pensyarah Antropologi dan Sosiologi UMS, Prof. Dr. Jacqueline Puth Kitingan.

Acara itu dianjurkan oleh BOHRU dengan

kerjasama Majlis Profesor Negara (MPN) dan Institut Alam Tamadun Melayu (ATMA).

Seramai 80 peserta yang terdiri daripada para pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) dan pensyarah turut hadir dalam program tersebut.

Program sehari itu berlangsung di Bilik Seminar Theattret Ahmad Nisfu, Blok Seni, FKSW, UMS.

Turut hadir dalam program itu adalah ahli Majlis Profesor Negara merangkap Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya, Prof. Datuk Dr Teo Kok Seong dan Dekan FKSW, Prof. Dr Ismail Ibrahim. - OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE